

Nama:..... Kelas:.....

SULIT
1249/2
Sejarah
Kertas 2
Ogos
2025
2 ½ jam

1249/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA
PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2025

SEJARAH

Kertas 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **kelas** pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.
5. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
6. **Kertas peperiksaan** ini hendaklah diserahkan kepada pegawai peperiksaan pada akhir peperiksaan.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
JUMLAH		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 23 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A*[40 markah]**Jawab semua soalan.*

- 1 Kesultanan Melayu Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan yang gemilang kerana dilengkapi dengan ciri negara bangsa dan sistem perundangan yang tersusun.

Sumber diubah suai: malaysia.gov.my

- (a) Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan kandungan undang-undang berikut:

- (i) Hukum Kanun Melaka

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Undang-undang Laut Melaka

.....

.....

.....

[2 markah]

- (c) Teliti pernyataan berikut.

Kedudukan semua warganegara sama di sisi undang-undang

Sumber: www.astroawani.com, 4 Julai 2020

Beri pandangan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 2 Rundingan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di London bermula pada 18 Januari sehingga 6 Februari 1956.

(a) Namakan **dua** tokoh tempatan yang menyertai rundingan tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan perkara yang dipersetujui oleh wakil Tanah Melayu dan British dalam rundingan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Kemerdekaan negara amat unik kerana ia dicapai melalui meja rundingan tanpa melibatkan pertumpahan darah.

Sumber : pustakailmu.arkib.gov.my

Berdasarkan pernyataan tersebut, beri ulasan anda.

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Rajah berikut berkaitan keunikan amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita.



- (a) Jelaskan mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran negara kita.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Terangkan kuasa budi bicara raja menurut Perlembagaan Persekutuan.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

(c) Teliti poster berikut.



Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Jun 1991.

(a) Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Berikut adalah usaha kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional.

- Penyusunan semula modal saham
- Pembangunan wilayah

Jelaskan usaha tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Rakyat memainkan peranan penting dalam memakmurkan ekonomi negara. Beri pendapat anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Bahagian B**[60 markah]**

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.

Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan di halaman 13 hingga halaman 23.

5 Peluasan kuasa Jepun di negara kita bermula 8 Disember 1941 sehingga 12 September 1945.

(a) Mengapakah negara kita menjadi sasaran tentera Jepun? [4 markah]

(b) Jelaskan dasar pendudukan Jepun dalam aspek berikut:

(i) Pentadbiran [4 markah]

(ii) Sosial [4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan kekejaman tentera Jepun di negara kita.

- Membunuh golongan antipentadbiran
- Menangkap sesiapa sahaja yang melakukan penentangan
- Menyiksa penduduk

Bagaimanakah masyarakat tempatan menghadapi situasi tersebut?

Gunakan pengetahuan sejarah anda. [8 markah]

6 British telah mengisytiharkan Malayan Union di Tanah Melayu pada 1 April 1946.

- (a) Jelaskan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah rakyat Tanah Melayu menentang Malayan Union? [8 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

Kejayaan penamatan Malayan Union adalah hasil permuafakatan dan sokongan padu seluruh rakyat kepada pemimpin dan Raja-raja Melayu. Rentetan peristiwa sejarah negara ini amat penting difahami dan dihayati oleh semua rakyat negara ini, tanpa mengira lapisan masyarakat dan batas kaum. Malayan Union walaupun singkat usianya, meninggalkan impak yang amat hebat dan ia merupakan satu pengajaran yang amat berharga buat kita semua sebagai generasi pewaris.

Satu perkara menarik yang perlu diketahui umum, kegagalan pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu tidak langsung bergantung kepada kekuatan bala tentera atau jumlah senjata yang digunakan. Tidak juga melalui sebarang pertempuran atau keganasan. Sebaliknya, penentangan yang diajukan adalah melalui pergabungan kuat suara rakyat serta pemimpin yang dipayungi Raja-raja Melayu.

Hakikat yang perlu kita fahami ialah institusi raja yang diwarisi secara tradisi sejak dari dahulu ini sesungguhnya amat penting buat kita semua dan wajar untuk ia dipertahankan bersama. Jika hilang tradisi ini, maka hilanglah tonggak warisan negara. Dan hilangnya juga tidak akan berganti lagi.

Sumber ubah suai : pustakailmu.arkib.gov.my

Jelaskan maklumat dalam petikan tersebut dan iktibar yang dapat anda teladani.

[8 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 7 (a) Jelaskan konsep kedaulatan. [4 markah]
- (b) Sejak merdeka sehingga kini, Malaysia berjaya mengekalkan ciri-ciri sebuah negara berdaulat.

Sumber diubah suai: www.sinarharian.com.my

Terangkan ciri-ciri tersebut. [8 markah]

- (c) Infografik berikut berkaitan nilai teras Dasar Keselamatan Negara 2021-2025.

NILAI TERAS KESELAMATAN NEGARA	
 KEDAULATAN DAN KEUTUHAN WILAYAH	 TADBIR URUS YANG BAIK
 KESELAMATAN RAKYAT	 KESTABILAN SOSIO-POLITIK
Nilai-nilai teras keselamatan negara merupakan nilai yang perlu dipelihara, dikekalkan dan diperkukuh bagi menjamin Malaysia sebagai negara berdaulat, aman dan sejahtera. Sumber diubah suai : www.mkn.gov.my	

Berdasarkan infografik tersebut, mengapakah keselamatan negara perlu dipertahankan?

[8 markah]



8 Pembentukan Malaysia telah berjaya direalisasikan pada 16 September 1963.

- (a) Jelaskan faktor penubuhan Malaysia. [6 markah]
- (b) Bagaimanakah Suruhanjaya Cobbold menjayakan pembentukan Malaysia? [6 markah]
- (c) Teliti maklumat dalam petikan berikut.

Kelahiran Persekutuan Malaysia sememangnya telah terukir dalam sejarah dunia. Dokumen Pemasyhuran Malaysia yang ditandatangani oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ini menjadi bukti dan simbol kepada pewujudan sebuah negara baharu bernama Malaysia di mana rakyatnya terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum, suku, bahasa, budaya dan agama. Kepelbagaian ini telah mencorak dan mewarnai Malaysia sebagai sebuah negara yang unik di mana rakyat yang mengamalkan pelbagai budaya ini dapat hidup secara aman dan bersatu dalam suasana harmoni serta jauh daripada sengketa.

Sumber: pustakailmu.arkib.gov.my

Berikan ulasan anda.

[8 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 9 Wawasan masa hadapan Malaysia merupakan strategi jangka panjang untuk mendepani isu serantau dan antarabangsa.

(a) Jelaskan tindakan Malaysia dalam mendepani isu berikut:

- (i) Alam sekitar [4 markah]
- (ii) Zon bebas nuklear [4 markah]
- (iii) Pendatang asing tanpa izin (PATI) [4 markah]

(b) Teliti poster berikut.



Jelaskan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut.

Huraikan kepentingan semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat dunia.

[8 markah]